

**Perkasa anjur perhimpunan mendaulatkan raja
Utusan Online
24 April, 2012**

KUALA LUMPUR 23 April - Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia (Perkasa) memberi ingatan kepada mana-mana pihak yang berani menghina kesucian institusi diraja bahawa badan itu akan melakukan apa sahaja demi mempertahankan kedaulatan raja-raja Melayu.

Presidennya, Datuk Ibrahim Ali berkata, pihaknya tidak akan membiarkan golongan penderhaka kepada raja berleluasa, justeru, segala langkah perlu akan dilaksanakan bagi memastikan kejadian biadab semasa majlis pertabalan Yang di-Pertuan Agong tidak berulang.

Sehubungan itu, beliau mengumumkan pada 29 April ini, Perkasa akan menganjurkan Perhimpunan Raja Berdaulat Kasih Dijunjung yang dijangka disertai ribuan orang ramai untuk memberi mesej kepada pihak yang gemar menentang raja-raja Melayu.

Katanya, perhimpunan tersebut yang juga manifestasi bagi menjunjung tinggi pertabalan Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah sebagai Yang di-Pertuan Agong, akan diadakan di Padang Kelab Sultan Sulaiman Kampung Baru, mulai pukul 9.30 pagi pada 29 April ini.

"Golongan yang sanggup mencerca dan menghina raja-raja Melayu ini tidak sedar di mana langit dijunjung serta di mana bumi dipijak. Mereka ini penderhaka kerana sanggup menghina institusi diraja yang menjadi payung kepada seluruh rakyat Malaysia untuk berlindung.

"Walaupun perkara sebegini hanya dilakukan golongan minoriti tetapi Perkasa yang ditubuhkan antara lain demi melindungi raja-raja Melayu akan melakukan apa sahaja demi menyedarkan golongan penderhaka ini," katanya kepada pemberita, di sini hari ini.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0424&pub=Utusan_Malaysia&sec=Politik&pg=po_02.htm